



DASAR KESELAMATAN PEJABAT

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) selaku pihak berkuasa tempatan yang dilantik di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) akan memfokuskan berkenaan keselamatan dari pelbagai aspek bagi menjamin kelancaran dan pemeraksanaan tadbir urus yang cekap seperti yang terdapat di dalam Visi dan Misi MBPG.

MBPG juga akan memastikan semua aktiviti di pejabat pentadbiran sentiasa selamat dari ancaman keselamatan dengan mematuhi butiran-butiran yang terdapat di dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Buku Arahan Keselamatan Kerajaan (Semakan dan Pindaan 2017).

Ianya merangkumi Perlindungan Keselamatan Fizikal, Perlindungan Keselamatan Dokumen, Perlindungan Keselamatan Peribadi, dan Perlindungan Keselamatan ICT.

Bagi menzahirkan matlamat ini, pihak pengurusan MBPG akan memastikan semua warga kerja MBPG diberikan maklumat, arahan dan latihan keselamatan yang mencukupi tentang bagaimana cara untuk bekerja dengan selamat kepada mereka, Jabatan, dan orang awam.

Dasar ini juga akan menjadi panduan kepada semua warga kerja bagi mengukuhkan budaya kerja yang selamat dan akan sentiasa dikemaskini sejajar dengan kehendak teknologi terkini, prosedur kerja serta keperluan undang-undang.

Saya yang menjalankan amanah,

Dato' Asman Shah Bin Abd. Rahman
Datuk Bandar